



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN
JASAMU DIKENANG JABATAN WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN AGENSI TAHUN 2023 / 2024**

6 JUN 2024

HOTEL BANGI RESORT

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سیدنا محمد
أشرف
المرسلین و
وعلى آله
وصحبه أجمعین

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk meraikan acara yang sangat bermakna, iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang.

2. Pada hari ini, kita bukan sahaja meraikan pencapaian individu, malah kita juga merayakan semangat kolektif kita, warga Jabatan Wilayah Persekutuan sebagai satu pasukan yang komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

PENGIKTIRAFAN ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada **48 orang** penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang telah menunjukkan prestasi yang luar biasa sepanjang tahun lalu. Kejayaan dan pencapaian anda adalah bukti dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam.

4. Seperti semua sedia maklum, penganugerahan perkhidmatan cemerlang merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada penjawat awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang luar biasa dan menjadi contoh teladan kepada rakan sekerja yang lain. Pastinya, prestasi yang cemerlang itu tidak datang dengan mudah. Ia memerlukan dedikasi, komitmen dan usaha yang berterusan.

5. Dalam era yang serba mencabar ini, peranan penjawat awam adalah amat penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sehubungan itu, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini juga adalah merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha anda semua.

6. Saya berharap, anugerah ini akan menjadi pemangkin semangat untuk tuan-tuan dan puan-puan terus berkhidmat dengan cemerlang pada masa akan datang, serta menjadi inspirasi kepada rakan-rakan sekerja yang lain untuk turut sama meningkatkan prestasi kerja.

PENGHARGAAN KEPADA WARGA KERJA YANG AKAN BERSARA

Para hadirin sekalian,

7. Tidak dilupakan juga, penghargaan setinggi-tingginya kepada **3 orang** warga kerja yang akan bersara daripada perkhidmatan pada tahun 2024. Ini adalah satu kesempatan untuk kami menghargai segala jasa dan sumbangan yang telah anda berikan sepanjang tempoh perkhidmatan anda.

8. Pengalaman dan kebijaksanaan yang telah anda kongsiikan selama ini adalah amat berharga dan perlu menjadi panduan kepada generasi baharu dalam perkhidmatan awam. Jasa anda tidak akan dilupakan, dan secara peribadi, saya berharap agar ketiga-tiga bakal pesara ini akan terus menyumbang kepada masyarakat walaupun telah bersara nanti.

9. Bersara bukan bermakna berhenti berbakti. Banyak lagi peluang dan ruang untuk tuan-tuan dan puan-puan menyumbang kepada masyarakat, dan saya juga percaya dengan pengalaman yang dimiliki, tuan-tuan dan puan-puan mampu untuk memberikan impak yang positif kepada komuniti. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda semua.

**KOMITMEN KERAJAAN DALAM
KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM
MELALUI PENAMBAHBAIKAN SKIM
PERKHIDMATAN AWAM**

Para hadirin sekalian,

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi komitmen kerajaan berkenaan kenaikan gaji penjawat awam sehingga 15% yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini dan akan dilaksanakan mulai Disember tahun ini.

11. Semakan gaji penjawat awam ini sudah bertahun kita dengar akan disemak. Sudah 12 tahun pimpinan silih berganti, namun belum ada kajian yang serius terhadap skim perkhidmatan awam. Insya-Allah, Kerajaan Perpaduan MADANI ini ada tekad politik untuk melaksanakannya.

12. Namun begitu ada *caveat* nya juga. Rekod kerja pegawai tersebut mesti membanggakan. Mana-mana yang malas, lembab, sering lambat datang bekerja dan tidak memberikan tumpuan yang baik, mereka akan dipantau supaya tidak diberikan ganjaran sepertimana orang lain.

13. Langkah ini adalah satu penghargaan kepada semua penjawat awam yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen dalam menjalankan tugas kepada negara. Pihak kerajaan sedar berkenaan peningkatan kos sara hidup yang memerlukan kita untuk sentiasa menilai semula kadar upah dan memastikan ianya selaras dengan keperluan semasa.

14. Saya yakin, dengan kenaikan ini, penjawat awam akan lebih semangat dan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Kita perlu memastikan bahawa setiap sen yang dibelanjakan itu adalah untuk kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

15. Saya juga ingin menyeru kepada semua yang ada di hadapan saya ini untuk terus bekerja dengan penuh integriti dan profesionalisme. Setiap tindakan anda semua mencerminkan imej kerajaan dan negara, dan kita perlu untuk memastikan bahawa kita sentiasa berada pada landasan yang betul.

16. *This is where*, penghayatan kepada Budaya Kerja HARMONI yang telah saya perkenalkan pada Februari baru-baru ini perlu diperkembangkan di Jabatan Wilayah Persekutuan. Saya berharap agar Dato' Indera Ketua Pengarah, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan semua Pengarah Bahagian dapat menyampaikan kepada seluruh warga kerja untuk membudayakan nilai ini dalam Jabatan Wilayah Persekutuan dengan lebih progresif dan proaktif.

HASIL USAHA PENAMBAHBAIKAN TATA KELOLA DAN INTEGRITI MALAYSIA MADANI

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Alhamdulillah, Malaysia sekarang berada di landasan ke arah tata kelola dan integriti yang semakin membaik. Berdasarkan World Competitiveness Ranking, Malaysia kini berada di kedudukan ke-27, meningkat daripada kedudukan ke-32 pada tahun 2022. Manakala, Malaysia di tangga ke-57 pada tahun 2023 berbanding tangga ke-61 pada tahun 2022 dalam Indeks Persepsi Rasuah.

18. Sudah pasti, peningkatan ini adalah hasil daripada usaha berterusan kita dalam memerangi rasuah dan meningkatkan tata kelola dalam perkhidmatan awam. Ikhtiar Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri telah ada dampak positifnya dalam membina negara yang lebih baik, dengan menekankan kepada nilai-nilai integriti, ketelusan dan keadilan.

19. Kita perlu memastikan bahawa setiap dasar dan inisiatif yang dilaksanakan adalah untuk kepentingan rakyat dan negara. Tata kelola yang baik dan integriti yang tinggi adalah asas kepada kejayaan kita sebagai sebuah negara yang maju dan dihormati. Saya yakin, dengan komitmen dan usaha yang berterusan dari semua pihak, kita mampu untuk mencapai matlamat ini dan membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi lagi.

PENUTUP

20. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan juga warga kerja yang akan bersara pada tahun ini. Anda semua adalah aset berharga kepada negara, dan jasa serta sumbangan anda amat dihargai.

21. Saya berharap agar majlis ini akan menjadi satu inspirasi kepada semua untuk terus berkhidmat dengan cemerlang dan penuh dedikasi. Marilah kita bersama-sama membina masa depan yang lebih baik untuk negara.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang, Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.